

PENGUMUMAN PENTING

1. Menyemak status hutang melalui Portal E-Kewangan <https://ekew.ukm.my/efast> dan memastikan bayaran dibuat untuk mengelakkan sebarang masalah semasa mengambil jubah dan menghadiri konvokesyen.
2. Bayaran hutang hendaklah dijelaskan sebelum tarikh peminjaman jubah selewat-lewatnya pada atau sebelum 20 Oktober 2017.
3. Semua graduan diminta untuk membuat pengesahan kehadiran konvokesyen dan mencetak slip pengesahan dan pengambilan jubah.
4. Semua graduan **WAJIB** mengisi dan melengkapkan Kajian Pengesanan Graduan 2017 menerusi laman web graduan.mohe.gov.my, boleh mula diisi oleh semua graduan UKM bermula pada 29 September 2017. Sila cetak dan bawa bersama slip kajian pengesanan graduan tersebut semasa mengambil jubah. Kegagalan anda untuk mengisi Kajian Pengesanan Graduan akan mengganggu proses pengambilan jubah
5. Semua graduan perlu memuatnaik gambar di SMPWEB/SMPE selewat-lewatnya pada atau sebelum **30 September 2017 (Sabtu)**.
6. Klik sini ([doc/Susunan Sidang Konvo 45 SMMK.pdf](#)) untuk paparan susunan sidang mengikut fakulti/institut, Majlis Konvokesyen ke-45 UKM. Semua graduan diminta hadir mengikut sidang konvokesyen yang ditetapkan. Pertukaran sidang tidak dibenarkan.
7. Surat jemputan Majlis Konvokesyen ke-45 UKM boleh dicetak mulai pada **18 September 2017**.

MAKLUMAN

1. Graduan dinasihatkan memaklumkan kepada keluarga/rakan agar membeli bunga/cenderamata di gerai yang disediakan di ruang tempat letak kereta Panggung Seni. Saudara/i dan orang ramai tidak digalakkan membeli bunga di tepi jalan menuju ke UKM untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas dan berlakunya kemalangan. Graduan tidak dibenarkan membawa masuk jambangan bunga/cenderamata ke dalam dewan semasa majlis berlangsung.

PAKAIAN GRADUAN

Graduan yang hadir ke Majlis Konvokesyen diwajibkan mematuhi peraturan berpakaian yang ditetapkan seperti berikut:

Lelaki	Perempuan
Berpakaian kemas, baju kebangsaan atau lounge suit serta bertali leher UKM atau pakaian istiadat. Pelajar MPAT – Uniform	Berpakaian kemas (baju berlengan panjang dan labuh pada paras buku lali tanpa belah) dan tidak menutup muka atau pakaian istiadat. Graduan MPAT – Uniform
Jubah dan Topi Graduan: Mengikut warna fakulti dan diploma yang telah ditetapkan. Kasut: <u>Kasut formal bertutup berwarna HITAM yang menutupi bahagian depan dan belakang kaki</u> (selipar, capal dan kasut sukan tidak dibenarkan).	

Peringatan:

Berseluar jeans adalah sama sekali dilarang. Graduan lelaki juga tidak dibenarkan berambut panjang. Graduan yang tidak mematuhi peraturan pakaian ini tidak akan dibenarkan masuk ke dalam dewan untuk Majlis Konvokesyen.

Caj denda RM50.00 bagi setiap item akan dikenakan kepada graduan yang tidak memenuhi etika pakaian dan kasut.

PAKAIAN IBUBAPA/TETAMU

1. Tetamu yang hadir ke Majlis Konvokesyen diwajibkan mematuhi peraturan berpakaian seperti berikut:

Tetamu Lelaki	Tetamu Perempuan
Berpakaian kemas, baju kebangsaan atau lounge suit serta bertali leher UKM atau pakaian istiadat.	Berpakaian kemas (baju berlengan panjang dan labuh pada paras buku lali tanpa belah) dan tidak menutup muka atau pakaian istiadat.
Kasut: <u>Kasut formal yang menutupi bahagian depan dan belakang kaki</u> (selipar, capal dan kasut sukan tidak dibenarkan).	

2. Graduan dan tetamu diminta bekerjasama mematuhi peraturan berpakaian yang telah disebutkan di atas. Kegagalan mematuhi peraturan tersebut akan menyebabkan graduan dan tetamu dilarang dari memasuki dewan untuk menghadiri Majlis Konvokesyen.
3. Tetamu digalakkan bersarapan pagi/makan tengahari sebelum acara bermula.
4. Tetamu digalakkan membawa pakaian yang bersesuaian untuk mengelakkan kesejukan di dalam dewan.

BAYARAN HUTANG TERTUNGGAK KEPADA UNIVERSITI

1. Graduan hendaklah memastikan semua hutang tertunggak seperti yuran pengajian dan yuran penginapan dan sebarang denda seperti denda perpustakaan dan saman trafik, dijelaskan sebelum dibenarkan untuk mengambil jubah seterusnya majlis konvokesyen.
2. Graduan boleh menyemak status hutang di laman web Portal E-Kewangan. Sila hubungi Bahagian Kewangan Pelajar di talian 03-8911 8174/8183/8184 jika terdapat sebarang pertanyaan atau memerlukan keterangan lanjut.
3. Graduan boleh menyemak status hutang PTSL di <http://gemilang.ukm.my/>.
4. Bayaran hutang hendaklah dijelaskan sebelum tarikh peminjaman jubah selewat-lewatnya pada atau sebelum 20 Oktober 2017.
5. **PERHATIAN:**
Bayaran secara tunai tidak diterima di kaunter Pusat Khidmat Kewangan Jabatan Bendahari. Urusan pemulangan buku dan pembayaran denda perpustakaan boleh dibuat di Perpustakaan Tun Seri Lanang atau perpustakaan cabang yang berhampiran.

Sila pastikan no matrik dimasukkan dengan betul semasa membuat transaksi bayaran dan bukti pembayaran perlu disimpan untuk rujukan. Sekiranya bayaran tidak dibuat mengikut kaedah yang dibenarkan, pelajar perlu bertanggungjawab di atas masalah yang timbul.

KAEDAH BAYARAN



i) Bayaran di Kaunter Bank Islam (Bill Presentment)

- Bayaran boleh di buat dimana-mana kaunter cawangan BIMB
- Isi 'Slip Pembayaran Bil'
- Bayaran kepada UKM
- Nyatakan No. Matrik
- Masukkan amaun bayaran
- Serah slip dan bayaran di kaunter Bank
- Simpan slip bayaran

ii) Mesin 'Auto-Teller' (ATM) (BIMB sahaja) untuk Warganegara sahaja (Ada Akaun BIMB)


- Masukkan kad ATM
- Pilih Ada akaun BIMB
- Masukkan kad ATM
- Pilih Menu 'Lain-lain'
- Pilih 'Pembayaran Bil & Yuran IPT'
- Pilih no. akaun Bank yang akan ditolak
- Masukkan no. kad pengenalan
- Pilih No. Matrik pelajar UKM
- Masukkan amaun yang ingin dibayar
- Pastikan transaksi Berjaya
- Simpan slip bayaran


iii) Cash Deposit Machine (CDM) Mesin ATM BIMB- pelajar tidak perlu ada akaun BIMB (Untuk warganegara sahaja)

- Pilih lain-lain
- Pilih 'Pembayaran Bil IPT'
- Masukkan no. kad pengenalan
- Pilih No. Matrik pelajar
- Masukkan duit dalam mesin
- Sahkan bayaran
- Pastikan transaksi Berjaya
- Simpan slip bayaran

*Bayaran akan dikemaskini dalam tempoh 2-3 hari bekerja.

KAEDAH BAYARAN

	<p>CIMBclicks – Pelajar perlu mempunyai akaun dengan CIMB Bank .</p> <ul style="list-style-type: none"> • CIMBclicks – Pelajar perlu mempunyai akaun dengan CIMB Bank . • Dapatkan e-pin no dimana-mana mesin ATM CIMB • ‘Sign-Up ‘ di dalam laman web CIMB Clicks • Untuk membuat bayaran ‘Login’ • Pilih ‘paybill’ • Pilih ‘saving account’ / ‘current account’ • Pilih/Masukkan nama penerima: ‘Universiti Kebangsaan Malaysia- Yuran Pelajar’ • Masukkan no. matrik dan no kad pengenalan/pasport(bukan warganegara) • Masukkan amaun bayaran • Klik ‘proceed to payment’ • Klik TAC dan masukkan no TAC selepas menerima dari pihak Bank • Pastikan status transaksi adalah ‘successful’ dan cetak penyata • Klik TAC dan masukkan no TAC selepas menerima dari pihak Bank • Pastikan status transaksi adalah “successful” dan cetak penyata. • Simpan penyata untuk rujukan. <p>*Bayaran akan dikemaskini dalam tempoh 2-3 hari bekerja.</p>
<p>Bayaran di Kaunter Penerimaan Jabatan Bendahari</p> <p>Kad kredit dan Kad kredit sahaja</p> <p>(kecuali kad American Express/BIMB dan CIMB)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahagian Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari, Aras 7, Bangunan Pengurusan Akademik, Kampus Bangi 2. Bahagian Kutipan Hasil, Jabatan Bendahari, Aras 1, Bangunan Canselori, Kampus Bangi 3. Zon Kewangan Kampus Kuala Lumpur, Aras 1, Blok E, Kampus Kuala Lumpur 4. Zon Kewangan Kampus Cheras, Aras 13, Bangunan Pra Klinikal, Kampus Cheras <p>PERHATIAN: BAYARAN SECARA TUNAI TIDAK DITERIMA DI KAUNTER HASIL JABATAN BENDAHARI</p>

Kaedah Bayaran Melalui	Langkah-langkah
	<p>i) Bayaran di Kaunter Bank Islam (Bill Presentment)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bayaran boleh di buat di mana-mana kaunter cawangan BIMB - Isi 'Slip Pembayaran Bil' - Bayaran kepada UKM - Nyatakan No. Matrik - Masukkan amaun bayaran - Serah slip dan bayaran di kaunter Bank - Simpan slip bayaran <p>ii) Mesin 'Auto-Teller' (ATM) (BIMB sahaja) untuk Warganegara sahaja (Ada Akaun BIMB)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Masukkan kad ATM - Pilih Ada akaun BIMB - Masukkan kad ATM - Pilih Menu 'Lain-lain' - Pilih 'Pembayaran Bil IPT' - Pilih no. akaun Bank yang akan ditolak - Masukkan no. kad pengenalan - Pilih no. matrik pelajar - Masukkan amaun bayaran - Pastikan transaksi berjaya - Simpan slip bayaran

Kad Debit	Bayar di Kaunter Pusat Kembangan Pendidikan, Aras 1, Bangunan Wawasan pada waktu bekerja. Pembayaran secara tunai hanya diterima pada hari bekerja sahaja.	
	Waktu Berurusan Urusan Pejabat PKP	
	Isnin-Khamis	8.00 pagi - 1.00 petang 2.00 petang - 5.00 petang
	Jumaat	8.00 pagi - 12.15 tengahari 2.45 petang - 5.00 petang
	Operasi Kaunter PKP	
	Isnin-Khamis	8.15 pagi - 12.45 tengahari 2.15 petang - 4.45 petang
	Jumaat	8.15 pagi - 12.00 tengahari 3.00 petang - 4.45 petang
	Sabtu & Ahad	10.00 pagi - 3.00 petang

6. Graduan Program Eksekutif/Program Berterusan Jarak Jauh (Pusat Kembangan Pendidikan) boleh menyemak status hutang di laman web Portal E-Kewangan <https://ekew.ukm.my/efast> atau terus menghubungi Unit Kewangan PKP di talian 03-8921 3366/5377/3997.

KAJIAN PENGESANAN GRADUAN

Graduan yang hadir atau tidak hadir pada majlis konvokesyen ini **WAJIB** mengisi Kajian Pengesanan Graduan 2017 (KPG) melalui laman web <http://graduan.mohe.gov.my> bermula pada **29 September 2017**. Sila cetak dan bawa bersama slip pengesanan kajian tersebut semasa mengambil jubah. Pertanyaan berkaitan KPG boleh diajukan kepada Urusetia KPG 2016 di talian 03-8921 4186 / 4535 / 3173.

SISTEM MAKLUMAT ALUMNI

Graduan juga dikehendaki mengemaskini maklumat terkini di dalam Sistem Maklumat Alumni UKM (SMA) di laman web <https://alumni.ukm.my>. Pertanyaan berkaitan SMA boleh diajukan kepada Puan Nor Intan Zanariah Abd Aziz (03-8921 4699) atau email intanzanariah@ukm.edu.my.

PAS MASUK UNTUK TETAMU

Graduan dibenarkan membawa dua (2) orang tetamu sahaja. Pas masuk dan pelekat kereta akan diberikan kepada saudara/i semasa mengambil Jubah Graduan.

Peringatan:

Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke Dewan Konvokesyen.

Tetamu yang uzur juga tidak digalakkan masuk ke Dewan Konvokesyen.

PERBARISAN GRADUAN

1. Sila hadir ke perbarisan graduan yang dikhaskan di perkarangan DECTAR (Sisi Kanan DECTAR PINTU B iaitu bersebelahan dengan Kolej Tun Hussein Onn).

Sesi pagi - sebelum 7.30 pagi
Sesi petang - sebelum 1.30 petang
2. Pegawai setiap fakulti akan membantu menyusun perbarisan graduan.

RAPTAI MAJLIS KONVOKESYEN

Raptai Majlis Konvokesyen akan diadakan pada **27 Oktober 2017 (Jumaat)** mulai jam 8.30 pagi di DECTAR. Graduan digalakkan hadir.

Perhatian:

Sila ambil maklum bahawa kaunter pengedaran jubah tidak dibuka pada hari tersebut.

Masa	Aturcara
8.30 pagi	Semua graduan dijemput terus masuk ke dewan
8.45 pagi	Ketibaan Pegawai Pentadbiran Universiti
9.00 pagi	Perarakan besar masuk ke dewan
9.15 pagi	Taklimat oleh Pengarah Eksekutif Pentadbiran
9.30 pagi	Taklimat tatacara penerimaan ijazah
9.45 pagi	Raptai bermula
11.00 pagi	Bersurai

URUSAN PINJAMAN JUBAH

1. Sila bawa bersama:
 - *Slip pengesanan kehadiran konvo dan pengambilan jubah
 - *Slip pengesanan kajian pengesanan graduan yang dicetak selepas mengisi borang Pengesanan Graduan
 - *Kad Matrik
2. Pengambilan jubah melalui wakil adalah dibenarkan dan graduan diminta memastikan wakil membawa bersama perkara di atas (Seorang wakil hanya boleh mengambil 2 jubah sahaja).
3. Sila pastikan graduan mendapat jubah yang betul.
4. Tarikh dan lokasi peminjaman jubah adalah seperti berikut:

PRASISWAZAH

Tarikh	Masa	Fakulti	Tempat
21 Oktober 2017 (Sabtu)	9.00pg - 12.45 tgh	<ul style="list-style-type: none"> • Sains Kesihatan • Sains dan Teknologi • Pengajian Islam • Sains Sosial dan • Kemanusiaan 	Aras 1, Foyer Kiri DECTAR Aras 1, Foyer Kanan DECTAR Aras 3, Pintu 1 DECTAR Aras 1, Foyer Kanan DECTAR
		<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan • Pergigian 	Aras 3, Pintu 2 DECTAR
	2.15 ptg - 4.45 ptg	<ul style="list-style-type: none"> • Fakulti Ekonomi dan Pengurusan • Sains dan Teknologi 	Aras 1, Foyer Kiri DECTAR Aras 1, Foyer Kanan DECTAR
		<ul style="list-style-type: none"> • Perubatan • Farmasi 	Aras 3, Pintu 1 DECTAR
		<ul style="list-style-type: none"> • Teknologi dan Sains Maklumat • Undang-Undang • Kejuruteraan dan Alam Bina 	Aras 1, Foyer Kanan DECTAR Aras 3, Pintu 2 DECTAR
22-23 Oktober 2017 (Ahad & Isnin)	9.00pg - 12.45 tgh	<ul style="list-style-type: none"> • Sains Kesihatan • Sains dan Teknologi • Pengajian Islam • Sains Sosial dan Kemanusiaan 	Aras 1, Foyer Kiri DECTAR Aras 1, Foyer Kanan DECTAR Aras 3, Pintu 1 DECTAR Aras 1, Foyer Kanan DECTAR
		<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan • Pergigian 	Aras 3, Pintu 2 DECTAR
	2.15ptg - 4.45ptg	<ul style="list-style-type: none"> • Fakulti Ekonomi dan Pengurusan • Sains dan Teknologi 	Aras 1, Foyer Kiri DECTAR Aras 1, Foyer Kanan DECTAR
		<ul style="list-style-type: none"> • Perubatan • Farmasi 	Aras 3, Pintu 1 DECTAR

		<ul style="list-style-type: none"> • Teknologi dan Sains Maklumat 	Aras 1, Foyer Kanan DECTAR
		<ul style="list-style-type: none"> • Undang-Undang • Kejuruteraan dan Alam Bina 	Aras 3, Pintu 2 DECTAR

PASCASISWAZAH (Sarjana, Doktor Falsafah, Diploma Pasca Siswazah)

Tarikh	Masa	Fakulti	Tempat
21 Oktober 2017 (Sabtu)	9.00pg - 12.45 tgh	<ul style="list-style-type: none"> • Sains Kesihatan • UKM-GSB • Pendidikan • Farmasi • Undang-undang • Sains dan Teknologi • Pengajian Islam 	Aras 1, Bilik Jubah, Bangunan Tun Fatimah Hashim
	2.15 ptg - 4.45 ptg		
22 Oktober 2017 (Ahad)	9.00pg - 12.45 tgh	<ul style="list-style-type: none"> • Sains Sosial dan Kemanusiaan • Ekonomi dan Pengurusan • Teknologi dan Sains Maklumat • Perubatan • Pergigian • Kejuruteraan dan Alam Bina • Semua Institut 	
	2.15ptg - 4.45ptg		
23 Oktober 2017 (Isnin)	9.00pg - 12.45 tgh	<ul style="list-style-type: none"> • Sains Kesihatan • UKM-GSB • Pendidikan • Farmasi • Undang-undang • Sains dan Teknologi • Sains Sosial dan Kemanusiaan 	
	2.15ptg - 4.45ptg	<ul style="list-style-type: none"> • Pengajian Islam • Ekonomi dan Pengurusan • Teknologi dan Sains Maklumat • Perubatan • Pergigian • Kejuruteraan dan Alam Bina • Semua Institut 	

***Sila patuhi jadual yang telah ditetapkan**

URUSAN PEMULANGAN JUBAH

1. Jubah hendaklah dikembalikan selewat-lewatnya 14 November 2017 (Selasa).
2. Mulai 15 November 2017 (Rabu) denda RM6.00 (Ringgit Malaysia Enam) sehari bagi pemulangan jubah yang lewat. Permohonan untuk mengurangkan kadar denda tidak akan dilayan.
3. Jubah dan topi graduan yang dipulangkan mestilah dalam keadaan baik.
4. Semasa pemulangan jubah, sila bawa:-
*Jubah Graduan(tidak perlu dicuci)
*Topi Graduan
5. Tarikh-tarikh pemulangan seperti berikut:

SEMUA GRADUAN

Tarikh	Masa	Tempat
28 Oktober 2017 (Sabtu)	2.30 ptg-5.00 ptg	Jubah Graduan Prasiswazah: Aras 3, DECTAR (ikut pintu sisi Panggung Seni)
29-31 Oktober 2017 (Ahad-Selasa)	9.00 pagi - 12.45 tengahari 2.30 petang - 5.00 petang	Jubah Graduan Siswazah: Aras 1, Bilik Jubah, Bangunan Tun Fatimah Hashim
1-2 November 2017 (Rabu-Khamis)	9.00 pagi - 12.45 tengahari 2.30 ptg-5.00 ptg	Jubah Graduan Prasiswazah: seperti tempat peminjaman jubah
3 November 2017 (Jumaat)	9.00 pagi - 12.45 tengahari 3.00 petang - 5.00 petang	Jubah Graduan Siswazah: Aras 1, Bilik Jubah, Bangunan Tun Fatimah Hashim
4-5 November 2017 (Sabtu-Ahad)	Tiada urusan pemulangan jubah	
6-9 November 2017 (Isnin-Khamis)	9.00 pagi – 12.45 tengahari 2.30 ptg-5.00 ptg	Jubah Graduan Prasiswazah: seperti tempat peminjaman jubah
10 November 2017 (Jumaat)	9.00 pagi - 12.45 tengahari 3.00 petang - 5.00 petang	Jubah Graduan Siswazah: Aras 1, Bilik Jubah, Bangunan Tun Fatimah Hashim
11-12 November 2017 (Sabtu-Ahad)	Tiada urusan pemulangan jubah	
13-14 November 2017 (Isnin-Selasa)	9.00 pagi - 12.45 tengahari 2.30 ptg-5.00 ptg	Jubah Graduan Prasiswazah: seperti tempat peminjaman jubah

PENGAMBILAN SKROL IJAZAH DAN TRANSKRIP

1. Sebelum hadir mengambil skrol ijazah dan transkrip akademik, sila pastikan:-
*telah memulangkan jubah graduan
*telah menjelaskan semua hutang (jika berkenaan)
2. Graduan yang tidak menghadiri konvokesyen hendaklah menjelaskan hutang dengan universiti sebelum mengambil skrol ijazah dan transkrip.
3. Jika skrol memerlukan penghantaran melalui pos, bayaran hendaklah menggunakan Kiriman Wang atau Draf Bank atas nama Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia dan dihantar kepada

**Timbalan Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM, Bangi
Selangor Darul Ehsan**

* Bagi semua graduan selain graduan dari Graduate School of Business

atau

**Dekan
Graduate School of Business
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi
Selangor Darul Ehsan**

* Bagi graduan dari Graduate School of Business

4. Pelajar Program Eksekutif/Program Berterusan Jarak Jauh (Pusat Kembangan Pendidikan) - Bayaran dibuat atas nama Pusat Kembangan Pendidikan

**Ketua
Jabatan Pengurusan Akademik
Pusat Kembangan Pendidikan (PKP)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM, Bangi
Selangor Darul Ehsan**

5. Kadar bayaran penghantaran secara pos yang dikenakan

Dalam Negara	Luar Negara
RM10.00	RM150.00

6. Pemulangan Jubah/Mengambil Ijazah Melalui Wakil

Sekiranya graduan menghantar wakil untuk memulangkan jubah graduan atau mengambil skrol ijazah, sila klik Borang Surat Kuasa Pengambilan Skrol Ijazah/Diploma atau Memohon Diposkan .